

Headline	Kerajaan mula siasat antilambakan import CRC
MediaTitle	Berita Harian
Date	02 Apr 2019
Language	Malay
Section	Bisnes
Color	Full Color
Page No	51



[FOTO HIASAN]



**Mycron mendakwa** lambakan import CRC dari China, Jepun, Korea Selatan dan Vietnam sebabkan kerosakan material kepada syarikat.

## Kerajaan mula siasat antilambakan import CRC

**Kerajaan** akan memulakan siasatan antilambakan ke atas import gegelung besi atau keluli bukan aloi sejuk (CRC) dengan lebar saiz lebih 1,300sm, selepas melihat bukti prima facie mengenai lambakan, kerosakan serta akibatnya.

Siasatan itu dibuat hasil petisyen oleh Mycron Steel CRC Sdn Bhd, yang mendakwa bahawa import CRC dari China, Jepun, Korea Selatan dan Vietnam, dilambakkan ke Malaysia pada harga yang jauh lebih rendah berbanding harga domestik di negara masing-masing.

Dalam kenyataan semalam, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata,

Mycron juga mendakwa bahawa import dari negara yang didakwa itu telah meningkat dari segi kuantiti mutlak dan menyebabkan kerosakan material kepada syarikatnya.

"Bersabit siasatan itu, MITI akan menyediakan set soal selidik kepada pihak yang terbabit (pengimport, pengeluar asing, pengeksport dan persatuan)," katanya.

### **Kenakan duti**

MITI berkata, pihak berkepentingan lain juga boleh menyertai soal selidik itu selewat-lewatnya pada 12 April, dan boleh memberikan bukti sokongan tambahan kepada

MITI pada atau sebelum 27 April. "Sekiranya tiada maklumat tambahan diterima dalam tempoh yang ditetapkan, kerajaan akan membuat penemuan awal berdasarkan fakta yang ada," katanya.

MITI berkata, penentuan awal akan dibuat dalam tempoh 120 hari daripada permulaan penyiasatan, selaras Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan peraturannya yang berkaitan.

"Sekiranya penentuan awal itu nyata, kerajaan akan mengenakan duti Anti-Lambakan sementara pada kadar yang diperlukan untuk mencegah kerosakan selanjutnya," katanya. **BERNAMA**